

20 MAR 1997

Mahathir-Chissano

MOZAMBIQUE DIMINTA MENGESAHKAN KEUPAYAAN SYARIKAT MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 20 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu negara-negara seperti Mozambique yang ingin mengambil khidmat syarikat-syarikat Malaysia untuk menjalankan projek besar di negara mereka supaya memastikan syarikat berkenaan mampu mengendalikan tugas itu.

Perdana Menteri mahu supaya mereka mengesahkan dengan kedutaan atau pejabat Malaysia di negara masing-masing atau yang terdekat mengenai kesahihan syarikat-syarikat itu.

Ini kerana terdapat syarikat-syarikat Malaysia yang berjaya mendapat projek di negara lain tidak berupaya untuk menjalankannya dan ada juga syarikat tempatan yang selepas mendapatkan projek itu cuba pula untuk "menjualnya" kepada syarikat lain di Malaysia.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi berkata Dr Mahathir, buat pertama kalinya dalam perbincangannya dengan seorang pemimpin negara lain, telah menjelaskan perkara itu kepada Presiden Mozambique Joaquim Alberto Chissano di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Abdullah berkata beliau akan mengarahkan semua kedutaan Malaysia supaya meminta kerajaan negara berkenaan mengesahkan keupayaan dan status syarikat Malaysia yang dipilih untuk menjalankan projek-projek besar di negara mereka.

"Kita mahu supaya syarikat yang menawarkan untuk melaksanakan sesuatu projek itu biarlah sebuah syarikat yang berkemampuan atau bona fide," kata beliau ketika memberi taklimat kepada pemberita mengenai perbincangan Mahathir-Chissano itu.

Chissano tiba semalam dalam rangka lawatan empat hari. Beliau mengetuai delegasi 34 orang termasuk beberapa orang menteri.

Abdullah berkata Dr Mahathir memberitahu Chissano supaya kerajaan beliau menghubungi kedutaan Malaysia di Zimbabwe (Malaysia tidak mempunyai kedutaan di Mozambique) atau terus menghubungi Kuala Lumpur untuk mendapatkan maklumat mengenai syarikat berkenaan.

"Ini untuk mengelak kejadian di mana ada usahawan-usahawan yang akan mengambil kesempatan daripada peluang-peluang baru di Mozambique dengan mengemukakan pelbagai bentuk cadangan dan janji tetapi tidak berniat untuk melaksanakan projek itu kerana tidak ada kemampuan," kata beliau.

Dr Mahathir, kata Abdullah, menganggap cara itu (menipu) sebagai tidak baik kerana "kalau Malaysia mahu menjadi rakan dalam pembangunan sesebuah negara sahabat, Malaysia mesti mengemukakan syarikat-syarikat yang berkemampuan supaya ia menepati masa dan syarat serta matlamat projek tersebut".

Ia bertujuan menjaga imej dan hubungan ekonomi Malaysia dengan negara lain, kata beliau.

"Kita tidak mahu syarikat Malaysia kecewa dengan tindakan daripada pihak swasta Malaysia sendiri ataupun daripada usahawan-usahawan yang mungkin pandai buat janji tetapi tidak pandai melaksanakan apa yang mereka janji," kata beliau.

Semalam, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz berkata kabinet telah memutuskan bahawa syarikat-syarikat Malaysia yang ingin menandatangani Memorandum Persefahaman dengan syarikat yang ada kepentingan negara lain perlu mendaftar di kedutaan Malaysia dan pejabat perdagangan.

Abdullah berkata Dr Mahathir memberi jaminan kepada Chissano bahawa beliau akan mendapatkan syarikat-syarikat Malaysia untuk menceburi dalam bidang pertanian, pembalakan, pembinaan infrastruktur dan sumber asli di Mozambique.

Malaysia juga, kata Abdullah, akan menawarkan kursus keusahawanan kepada rakyat negara Afrika itu melalui Program Kerjasama Teknikal Malaysia.

Dr Mahathir dan Chissano juga membincangkan bagaimana untuk mempertingkatkan  
20kerjasama antara dua rantau iaitu Asean dan Kerjasama Pembangunan Selatan  
Afrika. --BERNAMA  
ES MAI